

Ahli UMNO jangan salah guna kedudukan — Dr. Mahathir

Oleh SITI MARIAM MD. ZAIN
dan DALIZA ARIEFIN

UM - 8 FEB 2003

JITRA 7 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa pemimpin dan ahli-ahli UMNO agar segera menghentikan perbuatan menyalahgunakan kedudukan masing-masing dengan mendesak kakitangan kerajaan memenuhi segala kehendak dan tuntutan mereka.

Presiden UMNO menegaskan, sikap som-

bong yang ditonjolkan oleh sesetengah mereka boleh menyebabkan parti kehilangan sokongan kira-kira tiga juta pengundi pada pilihan raya akan datang.

Katanya, kerajaan tidak boleh bertindak sesuka hati menukar atau memberhentikan kakitangan kerajaan kerana itu akan hanya merugikan UMNO dan Barisan Nasional (BN) sendiri.

“Kalau kita bertindak demikian kita akan kehilangan sejuta pengundi di kalangan

pegawai kerajaan dan kalau mereka mempunyai seorang isteri dan seorang anak, secara purata kita akan kehilangan tiga juta pengundi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis pelancaran Unit Khas Pilihan Raya (UKP) Puteri UMNO di Dewan Wawasan, malam ini.

Menurut Perdana Menteri, pemimpin dan ahli-ahli UMNO tidak boleh berlagak som-

■ Lihat muka 4

Ahli UMNO jangan salah guna kedudukan — PM

UM - 8 FEB 2003

bong dan mendabik dada dengan mengatakan merekalah yang melakukan semua perkara dan mentadbir negara ini.

“Akulah yang melakukan semua dan yang mentadbir negara ini, sebaliknya yang terlibat adalah semua pihak.

“Bukan UMNO sahaja atau ahli UMNO sahaja yang memberi kemenangan kepada parti, tetapi semua pihak juga menyumbang kepada kejayaan parti,” katanya.

Justeru beliau menyeru agar mereka sentiasa menjaga perhubungan baik dengan semua pihak yang boleh menentukan UMNO mendapat kemenangan untuk terus mentadbir negara.

Sambil meminta semua ahli agar sentiasa mengamalkan sikap merendah diri, Dr. Mahathir berkata, kerajaan bagaimanapun tidak akan teragak-agak bertindak tegas terhadap mana-mana individu sekiranya mereka melakukan kesalahan yang jelas.

Sementara itu ketika berucap pada majlis jamuan Tahun Baru Cina anjuran BN Parlimen Kubang Pasu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Yit Min, Changlun malam ini, Dr. Mahathir meminta pengundi Cina terus memberikan sokongan kepada calon BN dalam pilihan raya akan datang.

“Walaupun saya tidak akan bertanding lagi di Kubang Pasu, sokongan undi Cina perlu untuk calon BN untuk memastikan dasar BN kekal hubungan baik dengan semua kaum,” kata Dr. Mahathir.

Kata beliau, jika rakyat memilih kerajaan yang kuat, mereka akan dapat mengekalkan polisi terbaik-baik dengan kaum-kaum yang lain.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada seluruh pengundi dalam Parlimen Kubang Pasu yang memberikan sokongan kepadanya hingga mencapai kemenangan majoriti undi yang besar setiap kali pilihan raya sejak 25 tahun menjadi calon kawasan tersebut.

Kira-kira 2,000 orang pelbagai kaum menghadiri jamuan Tahun Baru Cina tersebut.